



## **KENYATAAN MEDIA**

### **JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI PAHANG**

#### **SITUASI TERKINI MONSUN TIMUR LAUT (MTL) 2021/2022 NEGERI PAHANG**

1. Sehingga 12 Januari 2022, sejumlah 67,878 orang mangsa telah berpindah ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) sepanjang gelombang pertama dan kedua Monsun Timur Laut (MTL) 2021/2022.
2. Kerajaan Negeri mengucapkan takziah kepada waris dan keluarga kepada 21 orang mangsa yang telah terkorban dalam tragedi tersebut.
3. Selain itu, kesemua 442 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) telah ditutup sepenuhnya. Namun begitu, Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah dan Negeri diletakkan di dalam mod siap siaga sekiranya keadaan memerlukan pengaktifan semula.
4. Jawatankuasa ingin menyampaikan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke sisi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang di atas keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku di saat rakyat negeri Pahang Darul Makmur dilanda musibah banjir.
5. Jawatankuasa juga turut merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YAB. Perdana Menteri, YAB. Menteri Besar Pahang, YB. Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri serta semua Kerajaan Negeri yang telah menghulurkan pelbagai bentuk bantuan termasuk penghantaran sukarelawan, barangan keperluan, bantuan wang ringgit dan lain-lain.

6. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada anggota-anggota keselamatan, semua Jabatan Negeri dan Persekutuan, Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO), sukarelawan dan semua pihak yang telah banyak membantu Kerajaan Negeri Pahang dalam menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) 2021/2022.
  
7. Akhir kata, Kerajaan Negeri juga ingin memohon maaf di atas sebarang kekurangan dan kesulitan yang mungkin timbul dalam menangani dan mengendalikan situasi Monsun Timur Laut (MTL) 2021/2022.

Sekian, terima kasih.

**DATO' SRI DR. SALLEHUDDIN BIN ISHAK**

**YB. SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG**

**PENGERUSI JAWAT ANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI PAHANG**

***12 Januari 2022***